



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

(SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

(diperbadankan di bawah Akta Parlimen No. 784 Tahun 1968 / Law of Malaysia Act 784 1968)

Rujuk : PPM-21/3(068)/2019

Tarikh : 14 Mac 2019

Edaran seperti lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

TAWARAN MENGHADIRI KURSUS TALI-TEMALI DAN PIONEERING PERINGKAT KEBANGSAAN OLEH PASUKAN LATIHAN NEGARA

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia melalui Pasukan Latihan Negara akan menganjurkan Kursus Tali-Temali dan Pioneering Peringkat Kebangsaan seperti ketetapan berikut;

Tarikh : **05 hingga 07 April 2019**

Tempat : **Kem Pengakap Temasya Rimba Templer**

d/a KM 29, Jalan Rawang-Ipoh, Rawang, Selangor

Yuran Kursus : **RM200.00**

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, Pasukan Latihan Negara telah mengambil ketetapan pada tahun ini untuk menganjurkan Kursus Tali-Temali dan Pioneering Peringkat Kebangsaan. Peserta kursus yang hadir terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang kepengakapan, Pemimpin Kumpulan, Penolong Jurulatih Kebangsaan dan Jurulatih Antarabangsa.

3. Kursus ini bertujuan untuk melatih kemahiran ikatan, tali temali dan pioneering kepada ahli-ahli Pengakap seluruh Malaysia. Ini akan memberikan pendedahan kepada mereka untuk menggunakan membuat binaan pioneering yang kemas, selamat dan berguna. Pioneering merupakan antara perkara utama yang perlu diketahui oleh ahli Pengakap. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh ahli Pengakap memandangkan mereka perlu membina beberapa gajet semasa mengikuti pekhemahan demi keselamatan dan keselesaan sepanjang perkhemahan.

4. Sehubungan itu, Persekutuan Pengakap Malaysia melalui Pasukan Latihan Negara akan menganjurkan satu program yang khusus untuk melatih Pemimpin-pemimpin yang akan dipilih sebagai wakil oleh Pasukan Latihan Negeri bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka. Calon yang dipilih berkemampuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam ikatan, tali temali dan pioneering .

5. Oleh itu, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, adalah dipohon agar dapat mencalonkan **5 orang calon dan 2 orang calon simpanan** (calon mestilah pemegang Manikayu sekurang-kurangnya 2 butir Manikayu) daripada negeri YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan. ***Yuran penyertaan kursus ditanggung sendiri oleh calon atau PPM Negeri.***


6. Bersama-sama ini dikepilkan Borang Pencalonan menghadiri Kursus tersebut serta keperluan peribadi peserta kursus. Borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia **sebelum 1 April 2019.** (*Pencalonan selepas tarikh akhir tidak akan dipertimbangkan*).

Segala kerjasama dan sokongan daripada YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam kelancaran program yang akan dijalankan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia,



(MOHD HAFFIZ BIN HAMDAN SHUKOR)

Setiausaha Latihan Negara
b.p. Pesuruhjaya Latihan Negara

- s.k : YBhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara
- : YBhg. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
- : YBhg. Dato' Ketua Pengawai Eksekutif
- : YBhg. Pesuruhjaya Latihan Negara
- : YBrs. Setiausaha Eksekutif Kewangan
- : YBrs. Setiausaha Eksekutif Latihan & Program Ketua Bahagian)

Rujuk : PPM-21/3(068)/2019

Tarikh : 14 Mac 2019

1. **YBhg. Datuk Dr. Haji Awang Zainie bin Haji Suntim**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah
2. **YH. Dato' Haji Lias bin Mohd. Noor**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang
3. **YBhg. Tuan Haji Yaacob bin Abdul Karim**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor
4. **YBhg. Tuan Haji Zulkafli bin Kamaruddin**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang
5. **YBhg. Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd. Majid**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak
6. **YBhg. Encik Hamdan bin Haji Mohd Nor**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan
7. **YBhg. Encik Hong Heng Chee**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Labuan
8. **YBhg. Tuan Haji Che Soh bin Muda**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu
9. **YBhg. Prof. Madya. Dr. Abdul Rashid bin Mohamad**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri K.L.K.M
10. **YBhg. Tuan Haji Mohd Nizar bin Yusoff**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah
11. **YBhg. Encik Azmi bin Abdullah**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis
12. **YBhg. Datuk Haji Zakran bin Abdul Manan**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
13. **YBhg. Encik Zainal Ariff bin Mat**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLM/IPGM
14. **YBhg. Tuan Haji Noor Hashim bin Ismail**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor
15. **YBhg. Encik Mohammad Nadzree bin M. Salleh**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan
16. **YBhg. Tuan Kapt. Zainuddin bin Tan Sri Hamdan Sirat**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak
17. **YBhg. Tan Haji Abdul Hamid bin Mustapah**
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka

KURSUS TALI-TEMALI DAN PIONEERING PERINGKAT KEBANGSAAN

PERALATAN/ BAHAN KURSUS DAN KEPERLUAN YANG PERLU DIBAWA:

1. Pakaian Seragam Pengakap yang lengkap – 2 Pasang
2. Pakaian untuk riadah (**Berkolar**)
3. Pakaian untuk projek pioneering dan aktiviti (**Berkolar**)
4. Pakaian dan peralatan untuk solat bagi peserta Islam. (**Berkolar**)
5. Pakaian dan peralatan untuk tidur.
6. Peralatan bersuci
7. gayung dan baldi kecil
8. Baju hujan atau poncho
9. Tali *Nylon* untuk ikatan sepanjang 3 meter dan Tali *Rafia* untuk Poinering
10. Keperluan untuk projek pioneering, seperti parang, gergaji, chock dan sebagainya difikirkan perlu
11. Wisel, lampu suluh, lampu LED, lampu yang menggunakan kuasa bateri atau solar
12. Buku Catatan (BUKU LOG) dan Alat Tulis
13. Buku rujukan Pengakap
14. Ubat-ubatan sekiranya perlu
15. Tongkat sepanjang 5 kaki 2 inci

Senarai Nama Guru Pemimpin/Pegawai Pendidikan

Nama Penuh Guru :
No. Kad Pengenalan :
Umur :
Jawatan :
Jawatan Pengakap :
JPN/ PPD :
Nama dan Alamat Sekolah :

Perhatian!

******Borang perlu dipenuhi setiap Guru Pemimpin / Pegawai Pendidikan dan dikembalikan ke Ibu Pejabat PPM bagi tujuan permohonan kelulusan dan pelepasan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia***
(Boleh diperbanyakkan)***